

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ بْنِ مَارَاتَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2021

### INSTITUT PENGANGKUTAN MALAYSIA (MITRANS) PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

---

**KETUA PTJ :**

MOHD NASIR BIN TAIB

**KETUA UNIT KUALITI :**

SITI AYU BINTI JALIL

**PENYELARAS :**

SITI AYU BINTI JALIL

**PENULIS :**

1. FATIMAH BINTI AYUB
2. ADIBAH BINTI SHUIB
3. S. SARIFAH RADIAH BINTI SHARIFF
4. WAN MAZLINA BINTI WAN MOHAMED
5. ABDUL KHABIR BIN RAHMAT
6. NUR FARIZAN BINTI TARUDIN
7. TENGGU NURUL AISHAH BINTI TENGGU AZIZ

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS) adalah sebuah Pusat Kecemerlangan (PK) di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam yang memainkan peranan sebagai pemberi perkhidmatan dalam bidang akademik dan industri. MITRANS merupakan salah satu dari (2) dua PK di UiTM yang menawarkan program akademik sendiri. Buat masa ini, program yang ditawarkan adalah di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah secara penyelidikan penuh. Kesemua program ini adalah mengkhusus kepada pengembangan ilmu dan inovasi di dalam bidang Pengangkutan dan Logistik yang telah dilaporkan sebagai salah sebuah pusat tanggungjawab yang mempunyai jumlah pelajar yang ramai berbanding fakulti dan PK di peringkat UiTM (rujuk laporan oleh Ketua Pengajian Siswazah (Penyelidikan), Institut Pengajian Siswazah (IpSis)). Seramai 10 orang pelajar Doktor Falsafah (PhD) dan 11 pelajar Sarjana (Master) telah bergraduat dalam tahun 2019 dan 2020. Di samping itu, MITRANS juga menawarkan sebuah program khusus di peringkat Diploma di dalam bidang penguatkuasaan undang-undang pengangkutan jalan untuk Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia. Pada tahun 2020, seramai 30 orang pegawai penguatkuasa JPJ telah bergraduat dengan jayanya dengan Cumulative Grade Point Average (CGPA) melebihi 3.00 (File 2). MITRANS juga giat menjalankan kajian dan analisa hasil kerjasama dengan pihak industri di dalam pelbagai bentuk seperti konsultansi, latihan dan pembangunan professional berterusan (Continuous Professional Development (CPD)). Pada tahun 2020, di antara projek terbesar yang melibatkan pihak MITRANS ialah projek Customer Satisfaction Survey (CESS 2020/2021) bersama pihak Prasarana Berhad (syarikat milik kerajaan yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan untuk mendorong transformasi sistem pengangkutan awam Malaysia) (File 3).

Bidang pengurusan dan pembangunan pelajar adalah bidang yang amat penting bagi MITRANS. Oleh itu Pengurusan dan Pembangunan Pelajar bagi tahun 2019 dan 2020 merupakan salah satu agenda utama di dalam perancangan strategik MITRANS dan telah dirancang di dalam Bengkel Perancangan Strategik MITRANS yang telah diadakan pada 15-16 Februari 2019. Perancangan (Plan) ini disemak dan diberi nafas baharu melalui Bengkel Pensejajaran Strategik MITRANS 2020 yang dijalankan pada 24-26 Ogos 2020. Pelan Strategik MITRANS digubal agar selari, menepati dan memenuhi tuntutan Pelan Strategik Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM 2016-2020 (RMK11 UiTM) dan juga Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025). Strategi yang dibincangkan adalah berdasarkan kepada 7 (tujuh) Key Performance Indicators (KPIs) sejajar dengan hasrat MITRANS untuk mencapai tahap HiCOE (High Impact Centre of Excellence) (File 4). Pihak pengurusan kanan MITRANS adalah komited dalam (Do) memastikan keberhasilan perancangan ini melalui perbincangan dan mesyuarat rasmi (senarai mesyuarat JPPPK). Di antaranya dengan penjenamaan semula unit pengajian siswazah MITRANS kepada MITRANS Graduate Office (MiGO) dan unit pengajian diploma eksekutif, MITRANS Executive Diploma Program (MEADO). Pelbagai seminar dan kursus sokongan kepada sesi pembelajaran pelajar telah dijalankan sepanjang tahun 2019 dan 2020 untuk memastikan pelajar bergraduat (dalam atau di luar tempoh masa). Pihak pengurusan juga memberikan sokongan padu di dalam usaha peningkatan pencapaian akademik dengan (Check) memastikan pemantauan pelajar secara individu dijalankan di samping pemantauan terhadap kurikulum yang disampaikan melalui perbincangan dan pemakluman segala aktiviti di Mesyuarat Eksekutif MITRANS (MEM) (File 5). Ber slogan kan "transporting Happiness, Delivering Success, pihak pengurusan MITRANS mengambil langkah (Act) dengan menyediakan sokongan kewangan demi memastikan suasana pembelajarn yang kondusif dan gembira.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Teras kepimpinan MITRANS berasaskan keberhasilan daripada perancangan yang sistematik mencakupi perkhidmatan dalam bidang akademik dan industri berpandukan Key Performance Indicator (KPIs) yang disenaraikan (File 1.2.1). Oleh itu, 5 (lima) mekanisme yang digunakan oleh pihak pengurusan MITRANS dalam menggerakkan bidang tumpuan pilihan adalah seperti berikut:

1. Pendekatan yang menggalakkan pembelajaran aktif, dan memberi tumpuan kepada kemahiran, sikap dan nilai yang perlu ada pada seorang graduan dengan menggalakkan penerokaan pelajar terhadap pemikiran aras tinggi.
2. Pembelajaran berteraskan penyelidikan dan inovasi.
3. Kolaborasi aktif bersama alumni, industri, komuniti, kementerian dan agensi kerajaan.
4. Penambahbaikan berterusan menerusi perbincangan, fakta dan analisa pencapaian
5. Penggunaan ukuran prestasi yang berkesan untuk memastikan pencapaian matlamat jangka pendek dan jangka panjang.

Untuk mekanisme 1, pelajar telah didedahkan dengan aktiviti bersama pelbagai pihak melalui sesi seminar, bengkel dan konferensi di dalam dan di luar negara (File 1.2.2\_1). Pihak MITRANS melalui MiGO jugak telah berusaha menjejak pelajar secara individu demi memastikan kesemua pelajar bergraduasi samada di dalam atau di luar tempoh. Ini dapat dilihat melalui peningkatan jumlah bergraduasi yang ketara pada tahun 2019 dan 2020. (File 1.2.2).

Melalui mekanisme 2, pihak pengurusan MITRANS juga telah menetapkan penghasilan dua buah artikel berindeks Scopus dan setara bagi pelajar di peringkat Doktor Falsafah dan sebuah artikel berindeks Scopus dan setara bagi pelajar di peringkat Sarjana. Bagi pelajar program diploma, setiap pelajar diwajibkan menjalankan penyelidikan melalui kursus Final Year Project (FYP) dan galakan menghasilkan artikel dari hasil kajian tersebut. (File 1.2.3 dan File 1.2.3\_2)

Kolaborasi bersama pelbagai pihak juga diadakan bagi memastikan kesinambungan hasil kajian pelajar dengan mengadakan lawatan ke premis di samping mengadakan kolaborasi bersama institusi akademik luar negara. Pada tahun 2019, MITRANS telah menjalankan "Summer program" yang melibatkan penyertaan 42 pelajar dari Institut Transportasi Logistik (ITL), Jakarta. Kolaborasi bersama ITL telah menambah enrolmen pelajar antarabangsa di MITRANS dan pengalaman pengendalian program antarabangsa di kalangan pelajar MiGO. (File 1.2.4). Untuk program DEPPP, pihak Akademi Pengangkutan Jalan (APJ) sentiasa mendokong kolaborasi bersama MITRANS dengan memastikan pelajar berada di situasi yang kondusif sepanjang pengajian.

Mekanisme 4 ialah pendekatan yang diambil oleh pihak pengurusan MITRANS dalam memastikan kecemerlangan pelajar melalui pengurusan operasi yang berkesan. Ini dilakukan dengan mengadakan perbincangan dan mesyuarat khas dengan meneliti proses pengurusan sekiranya perlu. Untuk memastikan kejayaan resolusi dan program, inisiatif baharu telah dilaksanakan untuk mempromosikan program pasca siswazah MITRANS dan pencapaian pelajar dengan memperkenalkan halaman *facebook* Head PG dengan pengemaskinian secara langsung oleh Ketua Pasca siswazah sendiri dari masa ke semasa mengenai aktiviti terkini pelajar : <https://www.facebook.com/headpg.mitrans.5/>

Pihak MITRANS mengambil pendekatan memastikan kesemua pelajar bergraduasi dengan

mengambil pendekatan penjejakan secara individu dan menilai hasil prestasi melalui pelaporan bulanan dimana jumlah pelajar lebih tempoh berkurangan sebanyak 11.7 peratus. Ini kerana jumlah pelajar lebih tempoh pada bulan Mei 2020=  $16/56= 28.6\%$  berbanding hanya  $10/59= 16.9\%$  pada bulan Oktober 2020. (File 1.2.5). Di samping itu kesemua pelajar DEPPP juga telah bergraduat dengan CGPA lebih dari 3.0.

**SENARAI BUKTI:**

1. [Fail 1.2.1.pdf](#)
2. [Fail 1.2.2.pdf](#)
3. [Fail 1.2.3\\_combined.pdf](#)
4. [Fail 1.2.4.pdf](#)
5. [Fail 1.2.5.pdf](#)